

TINGKAH LAKU PENGAJARAN DAN KUALITI PERIBADI PENSYARAH UNIVERSITI



Abd. Shukor Shaari
Sek. Sains Kognitif & Pendidikan

ABSTRAK: Salah satu perkara yang membezakan guru sekolah dengan guru universiti ialah majoriti guru universiti tidak mendapat latihan ikhtisas perguruan seperti Diploma Pendidikan yang diwajibkan kepada guru sekolah menengah yang berijazah.

Adakah tanpa latihan ini seseorang pensyarah tidak boleh menjadi guru yang baik dari segi penguasaan pengetahuan pengajaran dan tingkah laku ? Kajian ini menjuruskan perhatian untuk menjelaskan tanggapan mahasiswa UUM terhadap pensyarah. Tanggapan yang diukur ialah dari segi keterampilan pengajaran pensyarah di bilik kuliah, kualiti peribadi pensyarah dan tingkah laku pengajaran yang tidak sesuai ketika menyampaikan kuliah. Kajian secara tinjauan ini menggunakan seramai 60 orang pelajar yang mengambil subjek Pengantar Penulisan sesi Mei 2000 dari enam buah sekolah di UUM. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan sumber yang dikenal pasti daripada kajian Bahagian Pendidikan Guru (1995) bertajuk penilaian pensyarah oleh pelatih. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dari segi kualiti pengajaran pensyarah UUM, majoriti pelajar mengatakan bahawa pensyarah mereka hanya kadang-kadang berjaya melaksanakan tugas utama mereka dari segi pengajaran. Dari segi kualiti peribadi pensyarah ketika mengajar, menggambarkan bahawa kebanyakannya pelajar bersetuju bahawa pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Bagi teknik yang paling berkesan, dapatkan dari tinjauan ini mendapati bahawa teknik perbincangan kelas diikuti dengan perbincangan kumpulan dan beraosal jawab merupakan teknik yang paling berkesan. Akhir sekali dari segi cara untuk meningkatkan kualiti pengajaran, kebanyakannya responden menyenaraikan bahawa pensyarah perlu menyediakan suasana pembelajaran yang jelas dan kondusif, menggalakkan penglibatan pelajar dengan aktif, mengambil kira perbezaan pembelajaran pelajar, menggalakkan pelajar mengenal pasti hasil pembelajaran dan perlu terlibat dengan penilaian kendiri.

PENGENALAN

Penyelidikan terhadap tingkah laku pengajaran mempunyai implikasi yang besar terhadap mahasiswa universiti. Oleh itu, kajian yang lebih banyak perlu dijalankan supaya keberkesanannya pendidikan dapat ditingkatkan khususnya kajian terhadap prestasi pengajaran seorang pensyarah. Menurut Rudin Salinger & Omar Ibrahim (1990), pengajaran ialah satu aktiviti yang kompleks yang memerlukan penguasaan beberapa kemahiran. Oleh kerana itu ramai penyelidik telah cuba untuk mengenal pasti beberapa kemahiran-kemahiran pengajaran yang penting.

Apabila membincangkan prestasi pensyarah, biasanya ia merujuk kepada konsep kecekapan. Sehingga kini tidak ada definisi yang cukup jelas berkenaan kecekapan pensyarah. Ini kerana kebolehan atau pencapaian pensyarah yang cemerlang dalam sesuatu mata pelajaran tidak dapat menjamin pengajarannya berkesan (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1984).

Kebanyakan pensyarah universiti di seluruh dunia mempunyai tiga peranan iaitu menyampaikan ilmu (mengajar), menjalankan penyelidikan (asas dan aplikasi), dan pengembangan atau khidmat masyarakat. (Noran Fauziah Yaacub dan Ahmad Mahdzan Ayob, 1992). Tugas paling utama pensyarah dalam sasaran kerja tahunan ialah mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanapun berdasarkan tinjauan, terdapat rungutan mahasiswa terhadap peranan pensyarah. Terdapat pensyarah yang kurang berketerampilan dalam pengajaran, mengajar sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Ada pula rungutan yang mengatakan pensyarah sering masuk lewat ke kelas, tidak membuat persediaan yang rapi dan hanya menyampaikan ilmu tanpa menggunakan bahan bantu mengajar. Ada juga di kalangan pensyarah yang digelar sebagai 'killer'. Rungutan-rungutan ini akan menjelaskan pandangan dan persepsi mahasiswa terhadap profesion pensyarah Universiti Utara Malaysia.

Salah satu hal yang membezakan guru sekolah dengan guru universiti ialah majoriti guru universiti tidak mendapat latihan ikhtisas perguruan seperti Diploma Pendidikan yang diwajibkan kepada guru sekolah menengah yang berijazah. Tanpa kelulusan ini, seseorang itu tidak boleh berkhidmat sebagai guru di sekolah kerajaan. Pensyarah universiti tidak perlu mendapat latihan ikhtisas ini.

Adakah tanpa latihan ini seseorang pensyarah tidak boleh menjadi guru yang baik dari segi penguasaan pengetahuan pengajaran dan tingkah laku ? Adakah pensyarah percaya bahawa mereka telah diberikan latihan yang cukup dari segi ilmu pedagogi, ilmu pedagogi isi kandungan mata pelajaran dan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran masing-masing?

Banyak kajian telah dilakukan terhadap persepsi pensyarah universiti berkenaan pengajaran yang baik di peringkat tinggi. Antaranya ialah Dunkin dan Precians (1992), Booth (1993) dan Goodwin dan Stevens (1993). Menurut mereka seorang pensyarah yang baik, memiliki ciri-ciri berikut iaitu mengetahui tentang mata pelajaran dan pembelajaran pelajar, memberikan motivasi dan menggalakkan pembelajaran pelajar, menyediakan objektif kursus yang jelas, menggunakan pelbagai pengalaman pembelajaran dan alat bantu mengajar, menggunakan pendekatan yang fleksibel dan pelbagai, menggalakkan penggunaan kemahiran berfikir peringkat tinggi, berkomunikasi dengan baik, penerangan yang jelas, mudah didekati, mudah mesra, mengambil berat konsep kendiri pelajar memberikan maklum balas ke atas kerja pelajar dengan baik, membuat permintaan yang munasabah ke atas tugas pelajar, bersedia untuk mengubah suai rancangan pelajaran, teknik dan jadual supaya pelajar tertarik terhadap pelajaran, terlibat dengan aktiviti profesional di luar kelas supaya mendapat keadaan sebenar tentang pengajaran dan terlibat dengan komunikasi yang berkesan dengan rakan sejawat.

Terdapat beberapa kajian berkaitan perkembangan pengajaran berkualiti di kolej dan universiti yang dapat mengenal pasti tahap atau peringkat perkembangan kebolehan pengajaran. Contohnya Kugel (1993) mengatakan bahawa kebolehan mengajar pensyarah seperti kebolehan belajar pelajar berkembang mengikut peringkat daripada diri kepada mata pelajaran . Fokus kepada pelajar sebagai penerima berkembang kepada aktif dan kemudian bebas. Antara beberapa tahap fokus ialah tahap 1 - Fokus kepada diri. Tahap 2 - Fokus kepada mata pelajaran.Tahap 3 - fokus kepada pelajar(penerima) .Tahap 4 -Fokus kepada pelajar (aktif) dan Tahap 5 - Fokus kepada pelajar (Bebas).

Kadang-kadang kita perlu juga berfikir tentang konsep pensyarah terhadap pengajaran. Dunkin dan Precians (1992) telah mengkaji persepsi guru-guru yang telah berjaya mendapat anugerah terhadap konsep mereka tentang pengajaran. Kajian mereka mendapati guru-guru yang mendapat anugerah ini mempunyai pendekatan yang lebih

fleksibel terhadap pengajaran pembelajaran dan penilaian. Mereka berbicara tentang pengajaran yang lebih kompleks daripada rakan mereka, konsep yang lebih luas dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar.

Standard pengajaran yang minimum telah dikaji oleh Scriven (1987) dan Anderson, Powell dan Smith (1987) dlm. Ramsden (1992) menyenaraikan kriteria asas pengajaran di peringkat tinggi ialah menyediakan matlamat yang jelas, menyedikan penerangan yang jelas, menggalakkan pelajar untuk menyiapkan tugas sebaik mungkin menyediakan maklum balas ke atas tugasan pelajar, fokus kepada konsep utama, mendedak pelajar menggunakan kemahiran belajar yang berguna dan relevan, menggunakan kaedah penilaian yang baik, mengembangkan keyakinan diri pelajar terhadap kebolehan diri sendiri, mengambil berat kesusahan pelajar, menyeimbangkan kursus dengan teori dan praktikal dan menjadikan bahan dan penyampaian lebih menarik.

OBJKTIF

Kajian ini bertujuan untuk

1. mengenal pasti kualiti pengajaran pensyarah Universiti Utara Malaysia dari tanggapan mahasiswa.
2. Menjelaskan kualiti peribadi pensyarah UUM
3. Mengenal pasti tingkah laku pengajaran yang tidak sesuai ketika menyampaikan kuliah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan. Reka bentuk persampelan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah persampelan sistematik. Dari senarai rangka populasi seramai 580 mahasiswa yang mengambil Kursus Pengantar Penulisan sesi Mei 1999 mengikut pengkhususan masing-masing. Semua sampel (100%) telah mengisi dan mengembalikan soal selidik yang diberikan. Penyelidik mengambil 10% dari

jumlah tersebut iaitu 60 orang. Persampelan sistematik ini dijalankan supaya terdapat taburan mahasiswa dari setiap sekolah. Mereka dipilih sebagai sampel kerana telah terdedah dengan proses pengajaran-pemelajaran di universiti dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan sumber yang dikenal pasti daripada kajian Bahagian Pendidikan Guru (1995) bertajuk penilaian pensyarah oleh pelatih. Berdasarkan maklumat ini, item-item soal selidik daripada sumber-sumber tersebut telah diubah suai mengikut keperluan kajian ini. Soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada lapan bahagian iaitu bahagian A, B, C, D , E , F , G. dan H. Skala bagi mengukur peratus dan kekerapan disediakan bagi mendapat maklum balas responden terhadap pernyataan yang diberi. Skala yang digunakan ialah 3 bagi kerap-kali, 2 bagi kadang-kadang dan 1 bagi tidak pernah. Soal selidik ini telah diuji indeks kebolehpercayaannya menggunakan alpha cronbach. Hasil ujian rintis ini, ukuran kebolehpercayaan(reliability) bagi Bahagian B, C, D dan E ialah alpha = 0.8189.

PENEMUAN

Tanggapan mahasiswa Terhadap Kualiti Pengajaran Pensyarah

Jadual 4 di bawah menunjukkan rumusan peratus bilangan mahasiswa yang telah memberikan respon kepada setiap pernyataan berkenaan kualiti pengajaran pensyarah. Mereka dikehendaki memilih satu daripada tiga pilihan iaitu adakah pengajaran pensyarah amat setuju atau kadang-kadang setuju dan akhir sekali tidak setuju memenuhi kualiti pengajaran mengikut kriteria yang ditetapkan.

Item 1 iaitu teknik penyampaian pensyarah berjaya membantu saya memahami perkara diajar, sebanyak 66.7 % pelajar mengatakan bahawa hanya kadang-kadang setuju dan 33.3 % pula amat setuju. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk

ditingkatkan penyampaian pensyarah supaya mahasiswa dapat memahami apa yang diajar. Dari segi pelaksanaan sesi pengajaran pula, persepsi pelajar seimbang antara amat setuju dengan kadang-kadang setuju iaitu 50.0 % mengatakan bahawa sesi pengajaran dilaksanakan dengan tersusun dan lancar. Dari segi penggunaan bahasa Melayu baku, 71.7 % pelajar memilih pensyarah kadang-kadang menggunakan bahasa Melayu baku ketika mengajar.

Bagi item 6, 63.3 % pelajar mengatakan bahawa pensyarah menunjukkan ilmu pengetahuan yang tinggi. Walau bagaimanapun bagi item 8, 68.3 % pelajar mengatakan bahawa isi kandungan yang disampaikan lengkap dan mendalam. Bagi item 9 dan 10 pula, hanya 55 % pelajar mengatakan mereka kadang-kadang setuju bahawa pensyarah dapat menghubungkaitkan antara teori dan amali di samping menggunakan alat bantu mengajar dengan berkesan.

Kesimpulannya, dari segi kualiti pengajaran pensyarah UUM, majoriti pelajar mengatakan bahawa pensyarah mereka hanya kadang-kadang berjaya melaksanakan tugas utama mereka dari segi pengajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa dari segi kualiti pengajaran masih perlu dibaiki keterampilan pengajaran atau dari segi pedagogi. Dalam hal ini, hanya item 6 sahaja yang didapati mahasiswa kerap-kali memenuhi tugas pengajaran iaitu item berkenaan pensyarah menunjukkan penguasaan ilmu yang tinggi.

Kualiti Peribadi Pensyarah

Dari segi data yang dipaparkan di jadual 5 di bawah, menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju bahawa pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Contohnya item mesra, timbang rasa, humor, ketepatan waktu masuk kuliah, telah mendapat hampir 50 % bersetuju bahawa pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Item 6 iaitu tersenyum mendapat 58.3 % dan item 8 iaitu berpakaian kemas mendapat peratus paling tinggi iaitu 85.0 %.

Bagi ciri-ciri peribadi yang tidak sesuai seperti pemarah, tidak stabil, panas baran dan pilih kasih, kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pensyarah mempunyai ciri-ciri seperti ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Hanya Item 10, hampir 73.3 % pelajar mengatakan bahawa kadang-kadang sahaja pensyarah UUM kuat berleter.

Kualiti Peribadi dan Tingkah Laku pengajaran Pensyarah Yang Berkesan

Responden telah memberi lebih daripada empat jawapan berkenaan kualiti peribadi atau tingkah laku pengajaran pensyarah yang berkesan tetapi tidak melebihi enam. Semuanya dapat dikategorikan kepada lapan kategori berikut mengikut (Rohaty Mohd. Majzub dan T. Subahan Mohd. Meerah (1993). Kelapan-lapan kategori itu ialah kategori tingkah laku kognitif, peramah, toleransi, kesungguhan/bertanggungjawab, model/akhlak, maklum balas/penilaian, dorongan dan keadilan.

Jadual 8 menghuraikan setiap kategori serta contoh item-item dalam kategori itu

Tingkah laku kognitif

- ❖ pengetahuan yang tinggi
- ❖ nota padat
- ❖ menggunakan bahasa Melayu baku

Peramah

- ❖ ceria, humor, senyum, mesra
- ❖ ingat nama pelajar

Toleransi

- ❖ perikemanusiaan, timbang rasa, tolak ansur
- ❖ bersikap terbuka

Kesungguhan/bertanggungjawab

- ❖ dedikasi, tepat masa, ambil berat masalah pelajar,
- ❖ tidak batalkan kelas, ikhlas, disiplin

- ❖ bersungguh-sungguh ketika mengajar

Model/akhlak

- ❖ berakhlak baik, model yang boleh diteladani,
- ❖ berbudi bahasa, berpakaian menarik, kemas

Maklum balas/penilaian

- ❖ beri peluang bertanya, sedia mendengar,
- ❖ terima pendapat pelajar, adakan soal jawab

Dorongan

- ❖ motivasi yang tinggi, menggalakkan pelajar
- ❖ supaya jangan putus asa

Adil

- ❖ beri layanan sama kepada semua pelajar
- ❖ Daripada lapan kategori ini, kiraan kekerapan telah dijalankan dan hasilnya jadual 2 di bawah merumuskan dapatan data.

Kualiti Peribadi dan Tingkah Laku pengajaran Pensyarah Yang Tidak Sesuai Untuk Pensyarah

Sebanyak 14 kategori telah di kenal pasti daripada soal selidik yang telah diberikan.

Kategori itu seperti berikut.

- ❖ Pemarah
- ❖ Tingkah laku kognitif
- ❖ Tiada tolak ansur
- ❖ Lewat/ tak hadir
- ❖ Pilih kasih
- ❖ Serius/tidak mesra
- ❖ Kurang minat
- ❖ Tidak kisah
- ❖ Tekanan kepada pelajar
- ❖ Pakaian

- ❖ Kurang persediaan
- ❖ Sukar dihubungi
- ❖ Sombong
- ❖ Lain-lain

Klasifikasi berikut menjelaskan contoh item-item dalam setiap kategori

Pemarah

- ❖ suka marah-marah,
- ❖ berleter, membebek,
- ❖ beremosi,
- ❖ panas baran

Tingkah laku kognitif

- ❖ tidak mahir mengajar,
- ❖ tidak mengikut sibus,
- ❖ tidak ada abm,
- ❖ suara tidak menarik, penerangan
- ❖ tidak jelas, tiada nota
- ❖ Tiada tolak ansur
- ❖ diktator, autokrasi, terlalu tegas
- ❖ tidak boleh berbincang

Lewat/ tak hadir

- ❖ selalu lewat ke kuliah

Pilih kasih

- ❖ markah diberi mengikut kaum,
- ❖ berinteraksi hanya dengan pelajar tertentu

Serius/tidak mesra

- ❖ garang,
- ❖ bercakap kasar
- ❖ tidak mudah didekati

Kurang minat

- ❖ Malas
- ❖ mengajar untuk sekadar menghabiskan silihbus
- ❖ tidak bersungguh-sungguh
- ❖ Tidak kisah
- ❖ lepas tangan
- ❖ tiada tanggungjawab
- ❖ endah tak endah
- ❖ Tekanan kepada pelajar
- ❖ beri tugas yang berat
- ❖ paksa pelajar menjawab soalan
- ❖ Pakaian
- ❖ Selekeh
- ❖ tidak kemas

Kurang persediaan

- ❖ tiada abm

Sukar dihubungi

- ❖ kunci pintu bilik waktu rundingan
- ❖ payah hendak berjumpa

Sombong

- ❖ sifat ego
- ❖ bongkak
- ❖ cerewet

Lain-lain

- ❖ "killer"
- ❖ kaitkan dengan masalah peribadi
- ❖ kaitkan dengan politik
- ❖ makan puji
- ❖ menggunakan bahasa Inggeris

Daripada 14 kategori ini, kiraan kekerapan telah dijalankan dan hasilnya jadual 3 di bawah merumuskan dapatan data.

Jadual 9. Kualiti Peribadi dan Tingkah Laku Pengajaran Yang Tidak Sesuai Bagi Pensyarah

Ciri-Ciri	Kekerapan	Pangkatan
Pemarah	56	1
Tingkah laku kognitif	29	2
Tiada tolak ansur	17	3
Lewat/ tak hadir	16	4
Pilih kasih	14	5
Serius/tidak mesra	12	6
Kurang minat	11	7
Tidak kisah	9	8
Tekanan kepada pelajar	8	9
Pakaian	7	10
Kurang persediaan	7	11
Sukar dihubungi	6	12
Sombong	5	13
Lain-lain	4	14

Dapatan di atas menunjukkan bahawa, sifat 'pemarah', 'tiada timbang rasa'"lewat masuk ke kelas' merupakan tiga ciri tingkah laku pengajaran yang tidak sesuai pada pensyarah. Manakala pengajaran seorang pensyarah yang kurang berkualiti yang mendapat pilihan kedua tertinggi ialah ialah dari segi pedagogi yang disenaraikan di bawah tingkah laku kognitif.

PERBINCANGAN

Kajian ini memperolehi data yang memperlihatkan tanggapan mahasiswa terhadap keterampilan pengajaran pensyarah di Universiti Utara Malaysia. Bagi aspek kualiti pengajaran pensyarah pengkhususan, beberapa kriteria seperti penggunaan bahasa baku, tidak faham pengajaran pensyarah, pengajaran pensyarah tidak menimbulkan minat saya untuk terus belajar patut diambil perhatian. Dapatkan kajian mendapati bahawa dari segi kualiti pengajaran pensyarah UUM, majoriti pelajar mengatakan bahawa pensyarah mereka hanya kadang-kadang berjaya melaksanakan tugas utama mereka dari segi pengajaran. Dapatkan ini menunjukkan bahawa dari segi kualiti pengajaran masih perlu dibaiki keterampilan pengajaran atau dari segi pedagogi. Dalam hal ini, hanya item enam (6) sahaja yang didapati mahasiswa kerap-kali memenuhi tugas pengajaran iaitu item berkenaan pensyarah menunjukkan penguasaan ilmu yang tinggi kualiti pengajaran.

Dari segi kualiti peribadi pensyarah ketika mengajar, menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju bahawa pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Contohnya item mesra, timbang rasa, humor, ketepatan waktu masuk kuliah, telah mendapat hampir 50 % bersetuju bahawa pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Item 6 iaitu tersenyum mendapat 58.3 % dan item 8 iaitu berpakaian kemas mendapat peratus paling tinggi iaitu 85.0 %.

Bagi ciri-ciri peribadi yang tidak sesuai seperti pemarah, tidak stabil, panas baran dan pilih kasih, kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pensyarah mempunyai ciri-ciri seperti ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah UUM mempunyai kualiti peribadi yang baik. Hanya Item 10, hampir 73.3 % pelajar mengatakan bahawa kadang-kadang sahaja pensyarah UUM kuat berleter.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa aspek yang boleh ditingkatkan lagi kualiti peribadi masing-masing. Kriteria seperti tidak mengingati nama pelatih mungkin boleh dijadikan iktibar kerana walaupun kajian ini dijalankan pada pertengahan semester

tetapi pensyarah tidak dapat mengingati nama pelatih. Peribadi negatif seperti kuat berleter, panas baran dan pilih kasih perlu dielakkan.

Bagi teknik yang paling berkesan, dapatan dari tinjauan ini mendapati bahawa teknik perbincangan kelas diikuti dengan perbincangan kumpulan dan bersoal jawab merupakan teknik yang paling berkesan. Untuk ini, aktiviti-aktiviti ini eloklah digalakkan.

RUJUKAN

Abd. Raof Dalip & T. Subahan Mohd. Meerah. (1991). Isu-isu latihan mengajar. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Aini Hassan. (1998). Penyelidikan tentang pengajaran dan pengetahuan guru: Implikasinya terhadap polisi dan amalan dalam pendidikan guru sejarah di Malaysia. Kertas Kerja Seminar JPPG 1998, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Alsagof. Heineman Asia.1983

American Association of Colleges for Teacher Education, New Orleans.

Anderson C,W. (1989). The role of education in the academic disciplines in teacher preparation. In A.E Woolfolk (ED). Research Perspective on the Graduate Preparation of Teachers. Engglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall

Awang Had Salleh. (2000). Default di kalangan guru sebagai pendidik: Sebuah pemerhatian peribadi. Kertas kerja yang dibentangkan di Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia pada 31.1.2000.

- Baird, L. (1977). Common and uncommon models for evaluating teaching. In Centra, J. Renewing and evaluating teaching: New directions for higher education, London: Jossey Bass. 77-97.
- Barrett, J., Daniels, R. and Jasman, A. (1997). Proposal for quality assurance funding: Teaching expectations for academic staff. Perth, WA: Murdoch University.
- Booth, A. (1993). Learning history in university: Student views on teaching and assessment. Studies in Higher Education, 18(2), 227-235.
- Dunkin, M. J. and Precians, R. P. (1992). Award-winning university teachers' concepts of teaching. Higher Education, 24, 483-502.
- Elliott, J. (1992). Action research for educational change. Milton Keynes: Open University Press. England Language Teaching Publications. Gibbs, G. (1995). How can promoting excellent teachers promote excellent teaching.
- Goodwin, L. D. and Stevens, E. A. (1993). The influence of gender on university faculty members' perceptions of "good" teaching. Journal of Higher Education, 64(2), 166- 185.
- Kember, D. and Gow, L. (1994). Orientations to teaching and their effect on the quality of student learning. Journal of Higher Education, 65(1), 58-74.
- Koh Boh Boon, (1993). Beberapa ciri guru bahasa Melayu yang baik. Jurnal Dewan Bahasa. April. Kuala Lumpur.
- Kugel, P. (1993). How professors develop as teachers. Studies in Higher Education, 18(3), 315-328.

Lewis, M dan Hill, J.(1992). Practical techniques for language teaching. Fajar Bakti. Petaling Jaya.

Noran Fauziah Yaacub & Ahmad Mahdzan Ayob.(1992). Guru dan perguruan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramsden, P. (1992). Learning to teach in higher education. London: Routledge Review, 57(1), 1-22. EJ 351 846. Rinehart and Winston.

Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd. Meerah. (1993). Satu tinjauan sahsiah dan tingkah laku pendidik yang berkaitan dengan pembelajaran. Jurnal Pendidikan, 15. 123-136.

Rudin Salinger dan Omar Ibrahim. (1990). Kemahiran asas pengajaran melalui pengajaran mikro. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti.

Ryan, G. (1993). Student perceptions about self-directed learning in a professional course. Implementing problem-based learning. Studies in Higher Education, 18(1), 53-63.

Samuelowicz, K. & Bain, J. D. (1992). Conceptions of teaching held by academic teachers. Higher Education, 24, 93-111.

Scriven, M. (1994). Using the duties-based approach to teacher evaluation. In Ingvarson, L. and Chadbourne, R. (Eds.) Valueing teachers' work: New directions in teacher appraisal. Melbourne: ACER.

Sharifah Alwiyah Alsagoff.(1983). Ilmu pendidikan pedagogi. Heinemann Asia.

Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform.
Harvard Educational

Smith, L.M. (1967).Group processes in elementary and secondary schools. Washington
D.C.

Weissglass, J. (1991). Teachers have feelings: What can we do about it? Journal of Staff Development, 12, 28-33.

Wong Khek Seng dan Tan Piek Lee.(1994). Persepsi guru bahasa Melayu yang baik.
dlm. Jurnal Dewan Bahasa. April 1994.